

PENDIDIKAN FALSAFAH DAN ISU SEMASA BERASASKAN MICRO-CREDENTIAL: APLIKASI DALAM PEMBENTUKAN INSAN SEJAHTERA

Ahmad Nasir Mohd Yusoff
Universiti Putra Malaysia
Emel: ahmadnasir@upm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka pelaksanaan pengajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa (SKP3112) berasaskan micro-credential sebagai satu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi, khususnya dalam membentuk insan sejahtera sejajar dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kerangka pembangunan insan madani. Pendidikan falsafah dilihat sebagai wadah utama dalam membina pemikiran kritis, nilai moral, dan kefahaman pelajar terhadap isu-isu semasa yang bersifat tempatan dan global. Namun begitu, timbul permasalahan dari aspek keberkesanan pendekatan tradisional yang bersifat satu hala, serta keterbatasan pelajar dalam mengakses kandungan secara fleksibel dan sendiri. Sehubungan itu, micro-credential ditawarkan sebagai alternatif inovatif yang membolehkan pelajar belajar secara modular, berasaskan sendiri, dan lebih interaktif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kes dengan melibatkan dua instrumen utama: temu bual separa berstruktur dan soal selidik. Temu bual dilakukan bersama pensyarah dan pelajar yang mengikuti kursus dalam bentuk micro-credential di Universiti Putra Malaysia (UPM), manakala soal selidik diadarkan bagi mengukur persepsi, tahap penglibatan, serta kefahaman pelajar terhadap pembelajaran micro-credential berkait Falsafah dan Isu Semasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan micro-credential berjaya meningkatkan penglibatan aktif pelajar, membina kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), serta menggalakkan pembelajaran reflektif dan bermakna. Selain itu, pendekatan ini membolehkan integrasi kandungan falsafah dengan konteks kehidupan sebenar pelajar. Hal ini seterusnya menyumbang kepada pembentukan insan sejahtera yang seimbang dan harmoni, melibatkan pembangunan aspek mikrokosmik (jasmani, emosi, rohani, intelek dan kognitif) serta aspek makrokosmik (etika, budaya, ekologi, ekonomi dan kemasyarakatan). Kesimpulannya, pendidikan falsafah berasaskan micro-credential merupakan pendekatan berimpak tinggi dalam menjayakan pendidikan fleksibel dan inklusif. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan ini diperluas ke kursus lain demi menyokong agenda pembentukan insan sejahtera dalam ekosistem pendidikan tinggi negara.

Kata kunci: Micro-credential; falsafah dan isu semasa; insan Sejahtera; pengajaran dan pembelajaran; mikrokosmik dan makrokosmik.

1. PENDAHULUAN

Dalam era globalisasi yang dipacu oleh perkembangan teknologi dan maklumat, institusi pengajian tinggi perlu bersikap proaktif dalam merombak pendekatan pengajaran dan pembelajaran agar lebih fleksibel, inklusif dan responsif terhadap keperluan pelajar abad ke-21. Salah satu kursus teras yang memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri pelajar di Malaysia ialah kursus Falsafah dan Isu Semasa (SKP3112). Kursus ini bertujuan membina pemikiran kritis, kesedaran moral dan kefahaman pelajar terhadap isu-isu semasa dalam kerangka falsafah, sejajar dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat pembangunan insan sejahtera.

Walau bagaimanapun, pendekatan pengajaran konvensional yang bersifat satu hala dan bergantung kepada kehadiran fizikal sering kali menjadi kekangan kepada penglibatan aktif pelajar serta pembelajaran yang reflektif. Keterbatasan dari segi akses masa dan ruang turut menjejaskan keberkesanan proses pembelajaran, terutamanya dalam kalangan pelajar yang memerlukan kaedah sendiri yang lebih fleksibel. Justeru, pendekatan micro-credential diperkenalkan sebagai alternatif inovatif dalam pendidikan tinggi yang membolehkan pelajar mengikuti kursus secara modular, sendiri, dan berasaskan teknologi digital yang interaktif.

Micro-credential bukan sahaja menekankan kemahiran kognitif, tetapi juga mendorong kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar serta bersifat aplikasi dalam konteks kehidupan sebenar. Dalam konteks kursus falsafah, pendekatan ini berpotensi membina insan sejahtera secara holistik – yang merangkumi keseimbangan jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (aspek mikrokosmik), serta keprihatinan terhadap etika, budaya, alam sekitar dan masyarakat (aspek makrokosmik).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka keberkesanan pelaksanaan pengajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa berasaskan micro-credential di Universiti Putra Malaysia (UPM), dengan fokus terhadap tahap penglibatan pelajar, pencapaian pembelajaran, serta sumbangannya terhadap pembentukan insan sejahtera dalam ekosistem pendidikan tinggi negara.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes untuk meneroka secara mendalam pelaksanaan pengajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa (SKP3112) berasaskan micro-credential di Universiti Putra Malaysia (UPM). Dua instrumen utama digunakan dalam kajian ini, iaitu temu bual separa berstruktur yang melibatkan pensyarah dan pelajar, serta soal selidik secara dalam talian yang diedarkan kepada pelajar kursus tersebut. Temu bual bertujuan mendapatkan pandangan tentang pelaksanaan dan keberkesanan kursus, manakala soal selidik digunakan untuk mengukur tahap kepuasan, persepsi, dan pengalaman pelajar terhadap pembelajaran micro-credential. Seramai 11 pelajar memberikan respons terhadap soal selidik, manakala beberapa pensyarah dipilih secara bertujuan untuk sesi temu bual. Data kualitatif dianalisis secara tematik, manakala data kuantitatif dianalisis secara deskriptif menggunakan carta dan jadual untuk menelusuri pola dan trend yang berkaitan dengan penglibatan pelajar serta keberkesanan pendekatan ini dalam membentuk insan sejahtera.

3. KEPUTUSAN DAN DAPATAN

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas 11 orang pelajar yang mengikuti kursus Falsafah dan Isu Semasa secara micro-credential, didapati bahawa secara umumnya responden memberikan tanggapan yang positif terhadap pendekatan ini. Jadual berikut menunjukkan nilai purata min bagi beberapa soalan utama yang diajukan dalam kajian.

Bil	Soalan	Bilangan Responden	Min
1	Apakah pendapat anda mengenai pengajaran Falsafah dan Isu Semasa secara micro-credential?	53	4.25
2	Adakah anda berpendapat bahawa micro-credential meningkatkan penglibatan anda dalam kursus ini?	53	4.19
3	Sejauh manakah anda rasa micro-credential membantu anda memahami topik-topik falsafah yang kompleks?	53	4.19
4	Adakah pendekatan micro-credential memberi peluang yang lebih baik untuk belajar secara sendiri?	53	4.47
5	Adakah penggunaan micro-credential membolehkan anda menyesuaikan pembelajaran mengikut masa dan tempat yang sesuai untuk anda?	53	4.58
6	Adakah sistem PutraMOOc memudahkan anda untuk menilai kemajuan pembelajaran anda melalui aktiviti dan penilaian yang disediakan?	53	4.15
7	Adakah anda merasakan bahawa kursus ini membantu anda membentuk pemikiran kritis dalam menangani isu-isu semasa?	53	4.34
8	Sejauh manakah kursus ini meningkatkan kefahaman anda terhadap konsep 'insan sejahtera' dalam konteks pendidikan falsafah?	53	4.21
9	Apakah anda rasa pendekatan micro-credential berkesan dalam membantu anda mengamalkan nilai-nilai yang diterapkan dalam kursus ini dalam kehidupan seharian?	53	4.26
10	Adakah anda bersetuju bahawa pendekatan micro-credential ini boleh diperluaskan ke kursus-kursus lain di UPM?	53	4.26
11	Secara keseluruhan, sejauh manakah anda berpuas hati dengan penggunaan micro-credential dalam kursus ini?	53	4.13

4. KESIMPULAN

Penggunaan micro-credential dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa diterima dengan baik oleh majoriti pelajar. Ia berpotensi besar untuk memperluaskan pendekatan pengajaran fleksibel dalam kursus lain di UPM. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan micro-credential dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa telah berjaya meningkatkan penglibatan pelajar, memupuk kemahiran berfikir aras tinggi serta menggalakkan pembelajaran reflektif yang bermakna. Pelajar turut

menunjukkan kefahaman yang lebih baik terhadap isu-isu falsafah serta konsep insan sejahtera. Dapatan ini memberi implikasi bahawa pendekatan micro-credential wajar diperluaskan kepada kursus lain di UPM dan institusi pengajian tinggi lain bagi menyokong agenda pendidikan fleksibel dan pembentukan pelajar madani. Namun, penambahbaikan dari sudut teknikal masih diperlukan agar pengalaman pelajar lebih lancar dan berkesan.

5. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada para pelajar Sem 2 2024/2025 yang telah memberikan kerjasama dalam menjawab soal selidik ini. Terima kasih juga kepada CADe_lead, pensyarah dan pasukan pembangunan PutraMOOC UPM atas sokongan terhadap pelaksanaan pendekatan micro-credential ini.

6. RUJUKAN

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2022). Dasar Pendidikan Digital Malaysia. Putrajaya: KPT.

Mohd Yusoff, A. N., & Ismail, J. (2023). Pendekatan Micro-Credential dalam Pengajaran dan Pembelajaran di IPT. Serdang: UPM Press.

Zawawi, I. (2020). Pengantar Falsafah Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hj. Ahmad Nasir Mohd Yusoff (Dr.), Mohd Daud Awang (Prof.Madya Dr.) & Mohamad Nidzam Abd. Kadir (Dr.). (2024). Penggunaan Kecerdasan Buatan 'Ai' Dalam Dakwah Kontemporari: Peluang Dan Cabaran. 1st International Conference On Islamic Management, Economic, Business And Entrepreneurship 2024 (ICIMEBE 2024). Universitas Syiah Kuala, Aceh. 29-30 Ogos.

Hj. Ahmad Nasir Mohd Yusoff (Dr.), Johan Ismail & Rozihan Mohamed. (2025). MIC-FIS@PutraMOOC: Micro-Credential Adaptif Untuk Pembelajaran Kendiri Dan Fleksibel Berasaskan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa. International Putra Innocreative Carnival. 16-17 Jun. CADe Lead.

Pengenalan Micro-Credential UPM.

<https://docs.google.com/presentation/d/10YXNsniYL1aQeNqIXwNOV1wBCaq0uJvjR8NOZkMUggM/edit?slide=id.p1#slide=id.p1>

Garis Panduan Micro-Credentials Universiti Putra Malaysia. (2021). Pusat Pembangunan Akademik (CADe), Universiti Putra Malaysia .EISBN 978-967-19652-2-1